

## MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA MEMPUNYAI KETERAMPILAN YANG BAIK, BAKAT KEPIMPINAN DAN BERUPAYA MEMACU KEBERHASILAN UNTUK MENYERTAI LHDNM

### JAWATAN

- A1 – Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 41
- A2 – Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) Gred 41
- A3 – Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 41
- A4 – Pegawai Eksekutif (Teknologi Maklumat) Gred 41
- A5 – Pegawai Eksekutif (Kejuruteraan) Gred 41
- A6 – Pegawai Eksekutif (Perakaunan) Gred 41

### KELAYAKAN MEMOHON

#### A1 dan A2

Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### A3

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya;

#### A4

Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### A5

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

#### A6

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

### KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

- o Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 20 tahun dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan.

- o **Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Bahasa Inggeris dan Matematik** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- o **Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Ijazah Sarjana Muda yang berkenaan.**
- o Pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat bertaraf tetap layak dipertimbangkan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
  - a) Mempunyai kelayakan memohon seperti di atas; dan
  - b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas disahkan dalam jawatan sekarang.
- o Pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat secara kontrak atau bertaraf sambilan layak dipertimbangkan jika mempunyai kelayakan memohon seperti di atas.

### BIDANG & SKOP KERJA

#### A1 - PENAKSIRAN

Menjalankan tugas pemungutan dan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 termasuk:-

- ✓ Menjalankan operasi pematuhan cukai melalui pelaksanaan audit yang berkesan, menyelaraskan operasi Banci Bisnes dan tinjauan ke zon ekonomi.
- ✓ Menyemak dan meluluskan taksiran pindaan dan pembayaran balik.
- ✓ Merancang program pendidikan cukai dengan penyediaan bahan pendidikan cukai kepada majikan, pekerja, pelajar sekolah, IPT dan agensi luar.

#### A2 - PENTADBIRAN

Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar mengenai pengurusan sumber tenaga manusia, pembangunan organisasi, pengurusan perkhidmatan, hubungan pekerja, pengurusan perolehan dan aset serta mengawal operasi pentadbiran secara menyeluruh.

#### A3 - PERUNDANGAN

Menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan serta pembaharuan undang-undang percukaian.

#### A4 - TEKNOLOGI MAKLUMAT

Mengkaji dan menganalisis kesesuaian sistem komputer sedia ada; seterusnya merekabentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta menjalankan kajian semula sistem pemrosesan data / maklumat agar bersesuaian dengan keperluan LHDNM.

## MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA MEMPUNYAI KETERAMPILAN YANG BAIK, BAKAT KEPIMPINAN DAN BERUPAYA MEMACU KEBERHASILAN UNTUK MENYERTAI LHDNM

### A5 – KEJURUTERAAN

Mengendalikan projek bagi skop kerja kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik serta mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem saluran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

### A6 – PERAKAUNAN

Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan, meliputi melaksanakan analisis laporan kewangan serta fungsi perbendaharaan.

### GAJI PERMULAAN & PENEMPATAN

Gaji Permulaan : RM 3,335.00  
Penempatan : Semenanjung / Sarawak / Sabah

### CARA MEMOHON

Pemohonan jawatan hanya diterima melalui *online* sahaja.

Pemohon hanya boleh memohon satu jawatan sahaja.

Pemohon termasuk pegawai LHDNM bertaraf sambilan hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL. <https://career.hasil.gov.my/>

Pemohon yang merupakan pegawai LHDNM bertaraf tetap dan kontrak hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL. <https://spi.hasil.gov.my/>. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat di Sistem Pengurusan Insan (SPI) adalah tepat dan terkini **sebelum** permohonan dibuat.

Pemohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.

### MAKLUMAT TEMU DUGA

Nama calon yang berjaya untuk menduduki peperiksaan *online* LHDNM dan disenarai pendek temu duga akan dimaklumkan di Portal Rasmi LHDNM (ruangan "Kerjaya"). Keputusan adalah **muktamad**.

Calon yang disenarai pendek untuk menghadiri temuduga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan kelayakan melalui laman:- <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari dari tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.

Pemohon dinasihatkan sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM untuk sebarang perkembangan terkini berhubung tawaran jawatan ini. Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: [kerjaya@hasil.gov.my](mailto:kerjaya@hasil.gov.my)

### TEMPOH IKLAN

TARIKH BUKA : 19 JULAI 2017  
TARIKH TUTUP : 2 OGOS 2017